



“MEMAHAMI KONSEP BALDATUN TAYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR”

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَقَدْ كَانَ لِسَبَّ^ص فِي مَسْكِنِهِمْ
ءَايَةٌ^ص جَنَّتَانِ عَنِ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا^ص مِنْ رِزْقِ
رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ^ج بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ^ص غَفُورٌ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ^ص
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bersyukur kepada Allah yang telah menganugerahkan nikmat Islam dan Iman kepada kita. Dengan nikmat inilah kita menikmati kehidupan hakiki sebagai seorang muslim lagi mukmin yang bertaqwa dan mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Marilah kita berusaha menambahkan ilmu dan amal serta kebajikan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan ia akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **"MEMAHAMI KONSEP BALDATUN TAYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ayat muqaddimah tadi adalah sebahagian daripada ayat di dalam surah Saba' yang menceritakan tentang kisah tamaddun di zaman lampau yang menjadi kuasa besar di bahagian selatan semenanjung tanah Arab. Ayat ini telah menceritakan keagungan dan kegemilangan negara Saba' sebagai negara yang unggul sehingga digelar **"Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur"**. Suatu kuasa yang telah melalui zaman pembinaan dan zaman kegemilangan yang bukan sahaja merupakan sebuah negara yang



kaya, bahkan ia merupakan sebuah negara yang mendapat pengampunan daripada Allah SWT. Negara Saba' juga adalah sebuah kerajaan yang teragung dan yang terbesar. Menurut satu riwayat bahawa kerajaan tersebut pernah menaungi semua kerajaan yang berada di semenanjung tanah Arab pada satu ketika dahulu.

Negara Saba' mempunyai pemerintahan yang bertahan selama ratusan tahun bermula pada tahun 950 sebelum masehi sehinggalah 115 sebelum masehi. Oleh kerana keagungan yang telah di lalui oleh mereka ini, maka kisah ini di rakamkan oleh Allah SWT di dalam surah Saba' dan surah Al-Naml.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Jikalau kita melihat didalam kitab-kitab sejarah, seperti ***Al-Bidayah Wa Al-Nihayah***, maka kita dapati ketinggian tamaddun Saba' ini mempunyai beberapa keistimewaan jika di bandingkan dengan tamaddun-tamaddun Arab lain seperti kerajaan Himyar, Ma'in, Qataban dan lain-lain.

Keistimewaan-keistimewaan ini adalah di antara punca kerajaan Saba' mencapai tahap kecemerlangan dan kemajuan yang tinggi, di antaranya:

1. Kemajuan yang di dorong oleh aspek ketaqwaan kepada Allah SWT dan akidah yang tulen. Maka dengan sebab inilah Saba' di sifatkan sebagai negara yang makmur, dan negara yang mendapat pengampunan daripada Allah SWT.

Dalam kitab sejarah Al-Kamil fi al-Tarikh, Al-Bidayah wa Al-Nihayah, dan juga kitab-kitab tafsir berkenaan dengan kisah ini, kita



dapati bahawa zaman kegemilangan dan kemakmuran ini berpunca daripada kepimpinan Ratu Balqis yang diutus oleh Nabi Allah Sulaiman a.s yang telah menjadikan aspek iman dan taqwa kepada Allah SWT sebagai asas pemerintahan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم
بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا
فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".

2. Memberi keutamaan kepada aspek pembinaan sosial yang berasaskan ilmu dan keimanan kepada Allah. Keamanan terserlah sebagaimana dikisahkan dalam Tafsir Ibnu Kathir, para musafir tidak menghadapi masalah bekalan, di mana saja mereka singgah mereka boleh mendapatkan keperluan seperti minuman dan makanan. Mereka juga boleh berehat siang di daerah yang lain dan malam di daerah yang lain pula. jelasnya, mereka boleh bermusafir dalam keadaan selesa dan aman.



3. Kekuatan ekonomi berasaskan tauhid sehinggalah keberkatan dan kemakmuran yang Allah kurniakan kepada mereka menyebabkan mereka tidak pernah kekurangan makanan, malahan berlebihan. Menurut Tafsir Hamka, Qatadah menceritakan jika seorang wanita pergi ke kebun membawa bakul dan menjunjungnya di atas kepala, buah-buahan yang masak ranum akan jatuh dengan sendirinya ke dalam bakul tanpa perlu dipetik dan apabila ia keluar dari kebun, bakulnya itu penuh berisi dengan buah-buahan.
4. Kekuatan ketenteraan dan kesetiaan kepada pemerintah sehinggalah keselamatan dan keamanan dapat dinikmati oleh rakyat.
5. Memiliki teknologi pembinaan yang tinggi sehingga mereka dapat membina empangan Maa'rib yang masyhur dan masih kekal sehingga ke hari ini.
6. Negara yang mengutamakan kebajikan untuk rakyat agar semua lapisan rakyat dapat mengecapi nikmat pembangunan, kemajuan dan menikmati hasil mahsul Negara.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Untuk merealisasikan konsep '*Baldatun Toiyibatun Wa Rabbu Ghafur*' kita harus mencontohi kegemilangan dan kecemerlangan kerajaan Saba'. Kita perlu melihat kegemilangan ini berdasarkan pandangan iman dan ilmu yang berteraskan ajaran Islam. Antara ciri-ciri penting untuk dikotakan oleh sesebuah pemerintahan Islam adalah:



1. Dengan melaksanakan syariat Islam secara syumul atau holistik termasuk pelaksanaan segala hukum-hakamnya untuk memberi jaminan keamanan dan kemakmuran di dunia dan akhirat. Untuk mencapai ini pelaksanaan pemerintahan mestilah mengikut prinsip Maqasid Syariah iaitu keperluan asasi (dharuriah) yang memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
2. Pelaksanaan konsep '***Baldatun Toiyibatun Wa Rabbun Ghafur***' bertujuan untuk menjamin agar rakyatnya selamat dan terpelihara masalah kehidupannya. Negara yang mengamalkan konsep ini, meletakkan peranan agama Islam sebagai peranan yang terpenting kerana apabila agama "selamat" maka perkara-perkara nyawa, maruah, keturunan dan harta turut selamat. Ini berbeza dengan konsepsi negara kebajikan yang ditaja oleh Barat, penekanan mereka hanya kepada aspek kebendaan. Bagi Barat keperluan asasi rakyat ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal sahaja. Tidak hairanlah negara berkebajikan di Barat berdepan dengan masalah yang serius kerana kebendaan tidak boleh menjamin kebahagiaan manusia yang berpanjangan. Sebaliknya Islam menekankan kekuatan iman dan ilmu dalam membina konsep '***Baldatun Toiyibatun Wa Rabbun Ghafur***'.
3. Pemimpinnya yang adil, berani, amanah, berkemampuan, mindanya tajam, berilmu pengetahuan luas meliputi ilmu dunia dan akhirat dan berkemahiran dalam pentadbiran.
4. Syura hendaklah dipraktikkan secara sepenuhnya, membenarkan penglibatan rakyat dalam proses membuat keputusan dan menyediakan sistem yang adil dan saksama kepada semua pihak.



5. Keadilan untuk semua, persamaan di kalangan semua warganegara tanpa mengira puak, bangsa atau asal usul. Menghormati dan melaksanakan prinsip hak persamaan sesama manusia dan semua hak-hak asasi manusia.

Jelasnya konsep '***Baldatun Toiyibatun Wa Rabbun Ghafur***' adalah dinamik dengan ciri-ciri asas yang tidak berubah, iaitu berpandukan syariah tanpa sebarang cabaran daripada peraturan buatan manusia. Dalam masa yang sama, sebuah negara Islam hendaklah memperakui dan membenarkan segala peraturan lain demi memelihara kemaslahatan manusia selagi berada di bawah pengawasan dan pengiktirafan syariah.

Marilah kita menanamkan tekad bagi membena negara dan negeri kita ini sebagai negara contoh yang dibanggakan dengan konsep negara yang makmur dan mendapat keampunan Allah SWT. Kita semua hendaklah berperanan membina diri, keluarga dan masyarakat berpandukan kepada syariat Islam. Kita juga perlu menegakkan amar ma'ruf dan nahi mungkar bermula daripada individu sehinggalah kepada pemerintah, kerana ia di antara jaminan terbinanya '***Baldatun Toiyibatun Wa Rabbun Ghafur***'.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا
الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ^{قُلْ} وَاللَّهِ
عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di atas muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

(Al-Hajj : 41)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ
إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, Tuhan yang mempunyai kekuasaan dan kebesaran. Tuhan penganugerahan keselamatan dan kesejahteraan. Kami mohon ke hadiratMu, cucurilah rahmat ke atas arwah-arwah perwira-perwira negara yang syahid di medan pertempuran di Lahad Datu, Sabah. Semadikanlah roh-roh mereka bersama para syuhada' dan solihin. Demikian jua kepada yang tercedera, dapat dipulihkan segera kesihatan mereka. Kurniakan kepada keluarga mereka kesabaran atas bencana yang menimpa dan keredhaan hati menerima qada' dan ketentuan daripadaMu.

Ya Allah, selamatkanlah perwira-perwira kami yang masih bertugas di sana. Dengan kekuasaanMu jua, dapat kiranya ditamatkan segala pertempuran dan pertumpahan darah.

Engkau bukannya hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.